PROSIDING PERKEM ke-9 (2014) 754 - 761
ISSN: 2231-962X

Peranan Masjid sebagai Alat Pengurusan Risiko dalam Kewangan Mikro Islam : Kajian Kes di BMT Agam Madani Nagari Gadut

Dina Austin Bt Syafrial Agus
Faculty of Economics and Management
University Kebangsaan Malaysia (UKM)
43650 Bangi Selangor
Email : dina.austin05@gmail.com

ABSTRAK

Masjid merupakan asas yang paling kecil dan dekat dengan masyarakat muslim. Pengelola masjid semestinya mempunyai data tentang keadaan masyarakat musim di lingkungannya baik keadaan ekonomi mahupun keadaan sosialnya yang sangat penting masalah keadaan keagamaan masyarakat. Oleh sebab itu, masjid boleh di jadikan alat untuk menguruskan risikonya oleh BMT. Pengurusan risiko ini penting kerana jika pengelola tidak boleh menguruskan risikonya dengan baik maka akan memberikan kesan yang buruk terhadap BMT seperti terjadinya muflis / kebangkrutan. Kemuflisan akan membuat masyarakat menangah kebawah ini kehilangan sumber kewangan mereka dikeranakan mereka tidak akan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan lain seperti Bank sebab modal mereka yang tidak memadai.Objektif dalam kajian ini adalah mengenalpasti risiko apa yang di hadapi oleh BMT Agam Madani Nagari Gadut dan apakan BMT berbasis masjid dapat di jadikan alat untuk menyelesaikan masalah risiko yang di hadapi oleh BMT Agam Madani Nagari Gadut untuk menguruskan risiko tersebut. Hasil kajian ini BMT Agam Madani Nagari Gadut ini memiliki risiko kredit dan risiko operational yang membuat mereka terhambat untuk berkembang. BMT berbasis mesjid ini adalah alat yang dapat membantu BMT Agam Madani untuk menyelesaikan masalah dalam pengurusan risikonya.
.

Katakunci: *Risiko BMT, Pengurusan Risiko, Baitul mal Wat Tamwil*

1. PENGENALAN

Institusi kewangan yang berpinsip syariah semakin berkembang pesat, tidak hanya di perbankan tetapi juga institusi kewangan bukan bank yang merupakan alternatif bagi institusi keuangan konventional. Pada institusi kewangan bank disebut dengan perbankan syariah , sedangkan pada institusi bukan bank terdiri dari pada institusi kewangan mikro syariah, pembiayaan, pegadaian, bisnis dan lain lain yang sesuai dengan prinsip-prinsip syariah.

Pada masa menjelang pasca lengsernya pemerintahan Orde Baru yang mengakibatkan krisis ekonomi dan moneter menimpa bangsa indonesia bank konventional banyak mengalami kejatuhan sedangkan Bank Muamalat Indonesia masih tetap kukuh beroperasi sesuai dengan syariah. Ini membuktikan bahawa krisis ekonomi tidak memberikesan kepada perbankan islam dalam sistem operationalnya. Dalam usianya yang masih muda, perkembangan perbankan ini sangat membanggakan. Salah satu fungsi dasar dari lembaga keuangan adalah untuk mengelola risiko yang muncul dalam transaksi kewangan secara efektif. Untuk memberikan pelayanan kewangan dengan biaya yang rendah, institusi kewangan mengembangkan berbagai jenis kotrak, proses, instumen dan lembaga untuk meminimum risiko. Namun demikian, masa hadapan dari institusi kewangan syariah akan sangat bergantung kepada kemampuan insititusi institusi tersebut dalam mengelola risiko yang muncul dalam operasinya.

Indonesia adalah salah negara membangun yang mempunyai jumlah usaha kecil (usaha mikro) mencapai 39.04 juta jiwa. Tetapi banyak dari usahawan tidak mempunyai akses yang cukup untuk institusi perbankan, sebagai institusi permodalan. Institusi-institusi perbankan belum dapat menjangkau keperluan usahawan kecil ini terutama di kawasan pedalaman. Usaha kecil ini ialah salah satu sektor penting dalam perekonoman negara. Ini kerana usahawan kecil yang umumnya dari kalangan masyarakat lapisan bawah tidak mempunyai potensi dana dalam institusi kewangn formal terutama institusi konventional, sehingga membuat perkembangan ekonomi menjadi lembab. Sehingga menyebabkan mereka hanya bergantung kepada modal yang terbatas pada apa yang mereka miliki. Tidak jarang dari usahawan kecil ini untuk menambah tambahan dana mereka dengan meminjam dana dari "ah long" yang menjalankan kredit yang mudah dan cukup mudah, tanpa proses pentadbiran dan

tidak memerlukan masa yang lama. Oleh kerana itu dibangunkan institusi-insttusi kewangan shariah mikro yang boleh berintekrasi dengan masyarakat di desa dengan kemudahan memberikan pembiayaan usaha kecil terhadap masyarakat kecil dan menengah yang di beri nama Baitul Mall Wat-Tamwil (BMT).

Tetapi dunia perniagaan sentiasa menjadi perubahan yang sifatnya dinamik sehingga selalu terjadi ketidakpastian. Risiko timbul kerana adanya ketidakpastian, dan risiko akan menimbulkan kesan tidak menguntungkan. Setiap aktiviti manusia selalu mengandung risiko kerana adanya keterbatasan dalam meramalkan hal yang akan terjadi di masa hadapan. Suatu kejadian tidak mempunyai peluang atau ketidaktentuan untuk tidak dapat di kawalan, dan tidak ada pengurusan sebaik apapun yang boleh menafikan risiko. Setiap orang dan setiap organisasi perlu sentiasa berusaha untuk menanggulanginya, artinya berupaya untuk meminimumkan ketidaktentuan agar akibat buruk yang timbul dapat dihilangkan atau paling tidak dikurangkan.

Oleh kerana itu, masjid dapat di jadikan alat yang dapat membantu BMT dalam menguruskan risiko operational dan kewangan mereka dengan mengoperasikan BMT yang berbasis masjid. Rasulullah Muhammad SAW telah mencontohkan dalam membina dan mengurusi seluruh keperluan masyarakat baik di bidang politik, ekonomi, sosial masyarakat, pendidikan dan lain sebagainya melalui masjid. Masjid nawawi oleh Rasulullah SAW berfungsi sebagai :1. Pusat ibadah , 2. Pusat pndidikan dan pengajaran, 3. Pusat informasi Islam, 4. Pusat pengkajian dan pusat penyelesaian problematika umat islam dalam aspek ekonomi, sosial, politik dan lain lain.

Secara Umumnya, kertas kajian ini dilakukan untuk melihat bagaimana pengurusan BMT dalam menghadapi risikonya dan secara khusus kajian dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti risiko apa yang di hadapi oleh BMT Agam Madani Nagari Gadut dan apakan BMT berbasis masjid dapat di jadikan alat untuk menyelesaikan masalah risiko yang di hadapi oleh BMT Agam Madani Nagari Gadut untuk menguruskan risiko tersebut

2. KERANGKA TEORI

2.1 Baitulmall wat Tamwil

Baitul Mal Wat Tamwil (BMT) adalah balai usaha mandiri bersepadu yang isinya berintikan *bayt al mal wa at-tamwil* dengan kegiatan mengembangkan usaha produktif dan pelaburan dalam meningkatkan kualiti aktiviti ekonomi usahawan kecil bawah dan kecil dengan menggalakkan aktiviti menabung dan mununjang pembiayaan kegiatan ekonominya. Selain itu, BMT juga boleh menerima titipan zakat, infak dan sedekah, serta menyalurkannya sesuai dengan peraturan dan amanahnya. BMT merupakan institusi ekonomi kerana lembaga ini ditubuhkan oleh Kumpulan bukan kerajaan (KMS). Ahad Hasan Rindwan,(2013).
Konsep BMT memiliki 2 fungsi, yaitu:

1. *Bait at-tamwil (bait* artinya rumah, *at-tamwil* artinya pembangunan harta*)* melakukan kegiatan pengembangan usaha-usaha produktif dan pelaburan dalam meningkatkan kualiti ekonomi usahawan mikro dan kecil terutamanya dengan menggalakkan aktiviti menabung dan menunjang pembiayaan kegiatan ekonomunya.
2. *Bait al-mal (bait* artinya rumah, *maal* aritunya harta) menerima titipan dana zakat, infak dan sedekah serta mengoptimumkan pengedaran sesuai dengan peraturan dan amanahnya.M.Aamin Aziz,(2004)

Selain institusi usaha yang mandiri, BMT memiliki ciri-ciri sebagai berikut:

1. Berorientasi perniagaan iaitu mempunyai tujuan untuk mencari keuntungan bersama meningkatkan pemanfaatan segala potensi ekonomi yang sebanyak-banyaknya bagi para ahli dan lingkungannya.
2. Bukan merupakan lembaga sosial, tapi boleh di manfaatkan untuk menguruskan dana sosial umat seperti zakat, infak, sedekah, geran dan wakaf.
3. Intitusi ekonomi umat yang dibina dari bawah secara swadaya yang melibatkan peranan serta masyarakat sekitar.
4. Lembaga ekonomi milik bersama antara kalangan masyarakat bawah dan kecil serta bukan milik individu atau kumpulan tertentu di luar masyarakat sekitar BMT.

Oleh kerana itu, diharapkan akan meningkatkan pendapatan masyarakat kecil. Target dari institusi-institusi kewangan mikro syariah ini adalah melayani keperluan petani, peternak, nelayan, pedagang, pengusaha kecil, pegawai dan pencen kerana sasaran ini belum terjangkau oleh bank umum. Hal tersebut ditujukan untuk membangkitkan kembali sektor riil yang banyak di gunakan oleh kalangan usaha kecil dan menengah serta untuk memperbaiki kesejahteraan ekonomi masyarakat secara keseluruhan.

Visi dan misi Baitul mall bersifat sosial adalah berfungsi mediator antara muzakki dan mustatahid zakat, pembiayaan operational di ambil dari total ZIS sebesar ± 12.5%. Visi dan Missi Baitul Tamwil bersifat komersial. Berfungsi sebagai mediator antara pemilik modal dengan pengguna modal. Dijalankan dengan prinsip syariah, Pengambilan operational diambil dari keuntungan BMT.
Tujuan BMT adalah untuk terciptanya sistem, Institusi, dan keadaan kehidupan ekonomi rakyat banyak di kira oleh nilai-nilai dasar salam (keselamatan) berintikan keadilan, kedamaian, dan kesejahteraan, berasaskan tumbuh dan berkembangnya tiga perempat usaha mikro dan kecil diseluruh Indonesia.
Jenis pembiayaan BMT adalah :

1. Mudharabah

Mudharabah adalah penanaman dana (mudharib) untuk melakukan kegiatan usaha tertentu dengan pembahagian menggunakan kaedah bagi untung (*profit sharing*) untuk kaedah bagi pendapatan (*net revenue sharng*) antara kedua belah pihak berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebelumnya.

2. Musyarakah

Musyarakah adalah akad kerja sama antara dua pihak atau memberikan sumbangn dana dengan ketentuan bahawa keuntungan dibagi berdasarkan kesepakatan, sedangkan risiko berdasarkan hidangan sumbangan dana.

3. Murabahah

Murabahah adalah menjual barang dengan harga jual sebesar harga perolehan ditamba keuntungan yang disepakati dan penjual harus mendedahkan harga perolehan barang tersebut kepada pembeli.

4. Al-Ijarah

Al-ijarah adalah akad pemindahan hak guna atas suatu barang dan waktu tertentu dengan bayaran sewa, tanpa diikuti dengan pemindahan kepemikinan barangan tersebut.

2.2 Pengurusan Risiko

Definisi risiko merangkumi dua aspek penting, yaitu aspek probablitas/ kemungkinan atau aspek kerugian/kesan. Selain itu, ada istilah terkait risiko yang sering menimbulkan salah pengertian, iaitu risiko dan ketidakpastian. Ketidakpastian merujuk pada pengertian risiko yang terjadi dan tidak diperkirakan sebelumnya (*unepected risk*), sedangkan istilah risiko merujuk pada risiko yang terjadi dan telah di perkirakan sebelumnya (expected risk). Sering juga terdengar istilah *"high risk-high return*" utamanya dalam aktiviti perniagaan. Istilah tersebut menunjukkan adanya hubungan positif antara risiko dan tahap keuntungan. Semakin tinggi risiko maka akan semain besar keuntungan. Jadi Risiko adalah suatu kondisi yang timbul kerana ketidakpastian dengan peluang kejadian tertentu yang jika terjadi akan menimbulkan konsekensi tidak menguntungkan. Lebih lanjut risiko pada usaha pelanggan adalah suatu kondisi pada usaha yang timbul kerana ketidakpastian dengan peluang kejadian tertentu yang jika terjadi akan menimbulkan konsekuensi fizakal maupun kewangan yang tidak menguntungkan bagi tercapainya sasaran usaha, yaitu kos, masa, kualiti usaha. (Rivai & Ismail,2013,56)

Pengurusan risiko pada saat ini merupakan kunci dari keseluruhan pengurusan perniagaan, tujuan utama pengurusan risiko hanya menyokong objektif pengelolaan. Dengan berjalannya usaha perniagaan yang di harapkan mendatangkan keuntungan, maka meminimumkan risiko untuk mencapai keuntungan yang memuaskan menjadi sasaran perniagaan.

Pada gambar 1 dijelaskan, risiko terjadi pada unit-unit dari suatu organisasi berkenaan dengan aktivitas dari masing-masing unit. Risiko terdapat pada tindakan pengurusan dalam memanfaatkan sumber daya yang dimiliki (*asset*) dan proses operasi berikut aktivitas kawalan yang ada. Risiko-risiko kritikal dan signifikan yang tidak tertangani akan berdampak pada pencapaian tujuan-tujuan dari setiap unit kegagalan pencapaian matlamat pada unit akan berpengaruh langsung pada tidak terpengaruhinya tujuan organisasi. Peranan dari pengurusan risiko diharapkan dapat mengantisipasi lingkungan yang cepat berubang, mengembangkan corporate governance, mengoptimumkan penyusunan strategic

management, mengamankan sumber daya dan aset yang dimiliki organisasi, dan mengurangi reactive decision making dari manajemen puncak.

2.2.1 Jenis-Jenis Risiko Menurut Perspektif Syariah

Menurut Fahimah & Shamsiah (2011), Risiko merupakan perkara yang tidak diingini namun risiko tetap ada dan tidak semua risiko dapat di hapuskan. Ada juga risiko yang perlu di ditanggung sebagai daripada tuntutan tabii kontrak islam yang digunapakai, berikut kategori risiko.

1. Risiko yang mesti di tanggung.

Risiko ini dan tidak boleh di elakkan oleh setiap peniaga dalam menjalankan perniagaannya, risiko ini wajib di tanggungnya seperti risiko kerosakan, kecacatan atau susut nilai terhadap barang jualannya saat sebelum barang tersebut di serahkan kepada pembeli. Oleh kerana itu menjadi kewajiban untuk menanggung risiko tersebut untuk mendapatkan keuntungan. Kaedah ini berbentuk berdasarkan kepada hadis Nabi s.a.w:

الخراج بالضمان

Maksudnya : Sesungguhnya keuntungan berdasarkan kepada kadar kerugian atau risiko yang juga perlu di tanggung (al-nasa'i 2001 ; ibn Majah)

Hadis dan kaedah di atas juga menjadi landasan kepada prinsip pelaburan menurut islam dimana keuntungan yang ingin diperoleh perlu disertai dengan kesanggupan untuk berkongsi risiko. Sehubung itu, tidah harus dalam mana-mana aktiviti pelaburan mengandungi pemisahan antara keuntungan dan kerugian di mana pelaburan layak menerma keuntungan tanpa menanggung kerugian dan risiko.

2. Risiko yang diharamkan

Risiko yang di haramkan ialah risiko yang mengandungi risiko ketidakpastian yang melampau dimana berkaitan dengan memperoleh kekayaan tanpa asas syarak dan tiada pertumbuhan kekayaan sebenarnya.ini termasuk kategori gharar yang di lahirkan daripada perjudian yang di haramkan oleh syarak.

Fuqaha sepakat mengatakan bahawa gharar fahish boleh membatalkan akad terutamanya uqud mu'awadat (Keputusan Majilis Penasihat Syariah Suruhanjaya sekuriti,2006). Antara contoh yang dibawa oleh para fuqaha terdahulu berhubungan dengan gharar fahish ialah :

1. Menjual susu binatang yang masih berada di kantung susu.
2. Menjual bulu yang masi di badan haiwan.
3. Menjual anak yang masih di dalam perut iunya
4. Menjual ikan di air
5. Menjual burung yang berterbangan di udara
6. Menjual buah sebelum matang
7. Menjual sesuatu bahan gajian yang belum di ambil dari dasar laut
8. Penangguhan harga bayaran ke satu masa hadapan yang tidak di tentukan

3. Risiko yang boleh dielakkan.

Risiko ini adalah jenis risiko yang masih boleh di kawal dan di elakkan agar tidak berlaku kerugian. meskipun terjadi kerugian sekalipun masih dapat dikurangi ke tahap yang paling minimum. Allah juga telah mengatakan di dalam al-Quran bahawasannya dia tidak mahu hambanya berada di dalam kesusahan, sebaliknya menginginkan hendak digunapakai untuk mengelak, mengurangkan mahupun melindungi nilai pelaburan atau aset terhadap risiko ini mestilah menggunakan pendekatan syarak.

2.2.3 Jenis Risiko Kewangan Islam

(Gambar 2)

2.2.3.1 Risiko Kewangan

Menurut El Tiby, risiko kewangan adalah jenis risiko dalam sektor kewangan Islam sepertii risiko kredit, risiko pelaburan ekuiti, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko kadar pulangan. Risiko kredit ditakrifkan sebagai risiko kegagalan daripada pelanggan untuk memenuhi kewajipan mereka dengan cara yang tepat pada masanya atau kejatuhan keupayaan pembayaran balik peminjam. Risiko pelaburan ekuiti adalah risiko tidak dihadapi oleh sektor kewangan konvensional. Pendedahan ini jenis risiko adalah disebabkan oleh pegangan ekuiti bagi tujuan pelaburan, biasanya di bawah Mudharabah dan Musyarakah kontrak. Sebab kedua adalah kerana dengan pemegangan ekuiti bagi tujuan perdagangan atau kecairan, yang diuruskan di bawah risiko pasaran.

Bagi risiko pasaran, ia adalah merujuk kepada risiko kerugian di *on*-dan-*off* kedudukan kunci kira-kira kerana pergerakan tidak menguntungkan dalam harga pasaran. Risiko kecairan memainkan peranan penting dalam menghadapi turun naik kunci kira-kira yang dijangka dan tidak dijangka dan menyediakan dana untuk pertumbuhan. Risiko kadar pulangan adalah disebabkan ketidakpastian dalam kewangan Islam, tidak ditetapkan kadar pulangan kepada pendeposit dan bukan pulangan yang telah ditetapkan ke atas ekuiti sehingga akhir kontrak. El Tiby turut menambah bahawa fenomena yang berlaku apabila institusi itu tidak dapat menjana keuntungan yang mencukupi untuk mengagihkan kepada pemegang akaun.

2.2.3.2 Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrifkan di Basel II sebagai "risiko kerugian yang terhasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau peristiwa luaran, termasuk risiko strategik dan reputasi". idea asas pemilihan peserta pembiayaan Islam adalah untuk mendapatkan standard minimum kapasiti undang-undang di mana kapasiti adalah kualiti yang membuat seseorang yang berkelayakan untuk memperoleh hak-hak dan kewajipan aku janji dan tanggungjawab. Mereka turut menambah bahawa sehingga MFI Islam perlu menjalankan proses pemilihan perusahaan mikro sebelum mereka mendapatkan dana yang merangkumi pemilihan pentadbiran; temuduga; dan kajian kemungkinan. Tambahan pula, kriteria asas pemilihan harus merangkumi kredibiliti, keupayaan perniagaan berlari dan kepercayaan perniagaan.

3. ANALISIS KAJIAN

BMT berbasis masjid secara operational adalah BMT yang proses penubuhannya dari,oleh,dan untuk takbir masjid. Takbir masjid mendirikan BMT adalah untuk memberikan contoh pengalaman syariah di bidang muamalah sekaligus untuk pemberdayaan ekonomi jamaah masjid. (Gambar 3)

Pengurusan BMT yang berbasis masjid. Pengelola BMT adalah bahagian besar adalah pengurus masjid, BMT ini di gunakan untuk pengembangan ekonomi jamaah lingkungan masjid. Pelanggan BMT pun lebih mudah untuk di identifikasi kerana wilayahnya sangat berdekatan dengan lingkungan masjid dan sering melakukaan pengajian dan sholat jamaah di masjid itu. Pengurus dapat memberikan maklumat dengan cepat dan dapat menguruskan pembiayaan dengan cekap. Pada bahagian pasar, pengurus yang lebih memahami perniagaan, jadi pengurus dapat menganalisis keadaan pasar dengan cekap dan dapat memberikan maklumat secara langsung kepada masyarakat baik dalam jangka panjang atau pun produk yang sangat unggul yang dapat di maklumatkan kepada pelanggan. Pelanggan BMT sangat memerlukan langkah ini disebabkan pelanggan BMT adalah masyarakat menengah kebawah yang kurang memahami sistem pasar, jadi mereka sangat memerlukan pembimbing yang dapat membantu mereka dalam menjalankan perniagaan mereka.

3.1 Data kemungkiran BMT Agam Madani Nagari Gadut

(Gambar 4)

Pada laporan kewangan BMT Agam Madani Nagari Gadut di atas dapat di lihat bahawa pada tahun 2010 jumlah pembiayaan pinjaman adalah sebanyak 34.616.667,00 dengan jumlah yang tertunggak sejumlah 29.270.050,00 jadi pada tahun 2012 ini total semua wang yang kembali adalah 5.346.617,00. Pada tahun 2011 jumlah pinjaman ke BMT menurun menjadi 23.705.000,00 dan jumlah yang masih belum di bayar 16.820.441,00, dan sedangkan jumlah pulangan mulai meningkat adalah 6.890.672,00. Pada tahun 2012 jumlah pinjaman mulai meningkat dengan jumlah 33.921.000,00, jumlah wang yang belum di bayar 21.026.328,00 tetapi jumlah pulangan mulai meningkat menjadi 12.130848,00. Jadi semua risiko yang di hadapi oleh BMT di atasi dengan melakukan pembelajaran dari kesalahan yang mereka lakukan dan belum mempunyai pengurusan risiko yang baku.

3.2 Langkah – langkah untuk meminimumkan risiko dengan BMT berbasis masjid

Pertama, pengurus masjid mesti pengurus yang dapat di percaya, memiliki keahlian dan dapat menganalisis pasar dengan cekap. BMT berbasis ini memiliki sumber daya manusia yang lebih bertaqwa. Semua pengelola mesti di berikan kursus terlebih dahulu sehingga mereka lebih memahami cara pengurusan BMT dengan baik. Hal tersebut dapat meminimumkan risiko operational didalam BMT itu sendiri. Kedua, membimbing masyarakat dalam melakukan aktiviti mereka dengan memberikan maklumat- maklumat yang mereka perlukan sehingga membuat mereka percaya diri dalam melakukan perniagaan mereka. Ketiga, Pengelola mesti melakukan pemantauan terhadap aktiviti pelanggan agar apabila terjadi permasalahan dapat diselesaikan,jadi pengelola mesti membuat silaturahmi secara berkala dengan masyarakat.

Jadi dengan BMT berasaskan masjid ini dapat di gunakan untuk menyelesaikan masalah kredit yang di hadapi oleh BMT Agam Madani Nagari Gadut. BMT dengan sumberdaya yang berkualiti sehingga dapat meminimumkan risiko operational. Masyarakat yang telah memahami cara untuk melakukan perniagaan dan memiliki kepercayaan diri dalam usaha mereka akan dapat meminiumkan risiko kredit, disebabkan pelanggan memberikan pulangan kredit tepat pada masa yang telah ditentukan.BMT yang berasaskan masjid ini menurut penulis adalah jalan yang terbaik bagi BMT-BMT di daerah untuk di pergunakan kembali, kerana mengingat BMT ini telah diprogram bagi masyarakat menengah kebawah yang masih memerlukan bimbingan dalam mengelola kewangan mereka. Sehingga dapat meningkatkan taraf hidup mereka agar menjadi lebih baik dari sebelumnya.

4. KESIMPULAN

Risiko yang paling banyak di hadapi oleh BMT Agam Madani Nagari adalah risiko kredit, dimana masyarakat yang mempunyai pemikiran yang berbeza dangan pengurus dimana masyarakat berpikiran bahawa ini program wang daripada pemerintah jadi dia tidak mempunya kewajiban yang terlalu mendesak untuk membayar tepat pada waktunya.Disarankan BMT-BMT di bahagian Kabupaten kembali ke BMT berbasis masjid yang disana akan menemukan sumber daya manusia yang lebih berkualitas dan lebih dapat di percaya kerana pengurus dan pelanggannya lebih di utamakan jamaah masjid yang akan selalu melakukan pengajian dan sholat berjamaah di kawasan tersebut yang akan memudahkan pelanggan dan pengurus melakukan transaksi yang lebih jelas dan transparan.

5. RUJUKAN

El Tiby, A. M. (2011). Islamic banking: *How to Manage Risk and Improve Profitability*. In A. M. Tiby. New Jersey, Canada: John Wiley & Sons.

Hajar Dewantoro. (2005). *" Pengembangan BMT berbasis masjid Studi kasus BMT al-Azka Pagerharjo Aamigaluh Kulonprogo*".

Juhaya S.Pradja, 2013." *Manajemen Baitul mal Wa Tamwil* ", Bandung : Pustaka Setia

Profil Baitul mal wat tamwil BMT Agam Madani Nagari Gadut

Rahmat Nugraha,Ryan Ezkirianto, & Asep Sarifudin,2011. *" Strategi Optimalisasi BMT berbasis masjid sebagai solusi asimetri informasi untuk membangun sektor pertanian dngan karake kewirausahaan"*

Rahmat.A.R(2011). *"strategi optimalisasi BMT (baitul mal wa tamwil) Berbasis Masjid Sebagai Solusi Asemetri Informasi untuk Membagun Sektor Pertanian dengan Kerakter Kewirausahawanan.*

Veithzal Rizal & Rifki ismal(2013). Islamic Risk Management for Islamic Bank : "*risiko bukan untuk ditakuti, tetapi di hadapi dengan cerdik,cerdas, dan profesional"***,** Jakarta: Gramedia Pustaka Utama



Sumber : Veithzal Rivai (2013)

GAMBAR 1: Risiko dan Tujuan Organisasi

GAMBAR 2: Islamic Banking Risk

Financial Risks	Operational Risks
Credit risk	Legal risk
Equity investment risk	Failure risk
Market risk	Fiduciary risk
Liquidity risk	Shariah –compliance risk
Rate of return risk	

Sumber : El Tiby (2011)



GAMBAR 3: Sistem BMT Berbasis Majid

GAMBAR 4: Laporan Kewangan 2012-2013

Tahun	Jumlah Pinjaman	Kredit	Debit
2010	34.616.667,00	29.270.050,00	5.346.617,00
2011	23.705.000,00	16,820,441,00	6.884.559,00
2012	33.921.000,00	21.026.328,00	12.890.672,00
Jumlah Keseluruhan	**92.247.667,000**	**67.116.819,00**	**25.130.848,00**

Sumber : Laporan pertanggungjawaban Pengurus BMT Agam Madani Nagari Gadut